

CNS2907

U GB 27-08 00157 BH116

bah

KESTABILAN DAN KEHAMORNIAN NEGARA HASIL KESEDERHANAAN BN

Mahathir - Sederhana

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dasar sederhana yang diamalkan oleh parti-parti komponen dalam Barisan Nasional (BN) telah berjaya mengekalkan kestabilan dan keharmonian negara.

Perdana Menteri berkata, kesederhanaan itu juga merupakan pegangan majoriti rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan telah menjadi budaya masyarakat.

Rakyat dapat bekerjasama dalam semua bidang termasuk politik kerana semua kaum bersikap sederhana dan tidak suka berkonfrontasi, katanya pada perjumpaan dengan pemimpin dan anggota BN Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang.

Dr Mahathir berkata walaupun semua kaum menuntut hak masing-masing tetapi ia tidak menjadi masalah kerana ia dibuat bukan secara keterlaluan.

+Walaupun kadang kala ada kaum yang merasakan tidak puas hati tetapi keadaan itu dapat dibendung dengan pegangan sederhana yang diamalkan, dan masalah yang timbul itu dapat diselesaikan menerusi saluran BN. -- Lagi

▼27/08/20-38MST

CNS2909

U GB 27-08 00148 BH117

bah

Mahathir-Sederhana 2 Pulau Pinang

Dr Mahathir berkata anggota BN hendaklah sentiasa menyedari hakikat itu dan mengetepikan sesuatu yang berasaskan perasaan bagi mengekalkan keadaan yang ada.

+Kita tidak mahu parti komponen BN terikut-ikut dengan sikap anggota dan pemimpin PAS yang menyokong parti itu lebih berasaskan perasaan dan sentimen yang sengaja ditimbulkan oleh pemimpin mereka, dikuti oleh anggotanya secara membuta-tuli.+

Mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dr Mahathir berkata, ia merupakan faktor penyelamat dan rahmat kepada negara sehingga ia membangun dengan pesatnya.

+DEB merupakan dasar yang adil dan ini terbukti kerana semua pihak telah mendapatkan nikmatnya. Ia telah memastikan semua kaum dapat sama-sama menikmati kekayaan ekonomi negara,+ kata beliau.

Hasil DEB inilah yang dapat mengelakkan berlakunya lagi pertelingkahan kaum seperti Peristiwa 13 Mei 1969 kerana kini semua kaum dapat menikmati kejayaan ekonomi melalui perkongsian perniagaan, katanya. -- Lagi

▼27/08/20-44MST

CNS2911

U GB 27-08 00126 BH118

bah

Mahathir-Sederhana 3 (Akhir) Pulau Pinang

Beliau berkata, mana-mana pihak yang tidak merasa puas hati dengan DEB haruslah berfikir dengan baik kerana pelaksanaan dasar itu telah membuktikan bahawa ia adalah penyelamat yang telah menjamin kestabilan dan keharmonian negara.

Kejayaan DEB melahirkan penglibatan semua kaum dalam bidang ekonomi dan ini telah mengelakkan pertelingkahan antara kaum kerana kini sektor ekonomi bukan lagi dikuasai oleh satu-satu kaum sahaja, katanya.

Yang turut hadir pada perjumpaan itu ialah Ketua Menteri, Dr Koh Tsu Koon, Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pemimpin-pemimpin komponen BN Pulau Pinang.

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri majlis makan malam bersama-sama ketua-ketua jabatan kerajaan dan pemimpin masyarakat tempatan di Bukit Jambul Country Club. -- Bernama

♥27/08/20-47MST